



**PENGUMUMAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA**

NOTIS CABUTAN UNDI BIL 3/2020

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) akan menjalankan sesi pendaftaran untuk **Cabutan Undi Bil 3/2020** bagi projek seperti berikut :

2. Sehubungan dengan itu, semua **Kontraktor Bumiputera Gred G1** yang berdaftar di Daerah Seberang Perai Utara yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**), Pusat Khidmat Kontraktor (**PKK**) serta telah **mendaftar dalam sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang** di dalam Gred Kategori dan Pengkhususan seperti yang dinyatakan serta berminat adalah dijemput (tertakluk kepada syarat-syarat dibawah) untuk menghadiri sesi pengundian seperti ketetapan berikut:

Sesi Pendaftaran Kontraktor Undian	
TARIKH / WAKTU PENDAFTARAN	: 9 & 10 September 2020 (9.00 pagi – 1.00 petang) (2.00 petang – 4.00petang)
TEMPAT PENDAFTARAN	: PDTSPU (Ruang Legar <i>Foyer</i>)

Sesi Cabutan Undi Bil. 3/2020 (<i>Online Facebook Live</i>)	
TARIKH CABUTAN UNDI	: 22 September 2020
WAKTU MULA	: 3 petang
PAUTAN	: Facebook PDTSPU https://www.facebook.com/PDTSPU/ atau dengan carian pada Facebook: @pdtspu

3. Hanya kontraktor yang mendaftar pada hari tersebut sahaja yang layak untuk diundi bagi perolehan kerja yang dinyatakan diatas. **Wakil tidak dibenarkan mengundi**. Kontraktor yang telah berjaya cabutan undi bil. 1/2020 dan 2/2020 tidak dibenarkan untuk menyertai cabutan undi bil. 3/2020.

4. Kontraktor yang berminat untuk menjalankan kerja-kerja undi **dimestikan membawa Sijil Asal PKK, CIDB, Kad Pengenalan dan slip pendaftaran sistem e-perolehan yang masih sah** pada hari pendaftaran.

5. Kegagalan untuk mematuhi tempoh masa dan syarat yang ditetapkan menyebabkan syarikat tuan/puan tidak dibenarkan menyertai sesi undian ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Sekian, terima kasih.

**"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAMAD HAFIZUDDIN BIN MOHD RIDOWAN)

Penolong Pegawai Daerah (P)
b.p. Pegawai Daerah, SPU